



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**2 MEI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 14 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 370,788 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 196 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 362,674 orang. Manakala 149 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 148 orang di hospital dan satu (1) orang di fasiliti swasta.. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 12 orang merangkumi 11 di ICU/repurposed kritikal *care* serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan dua (2) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beaufort berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 17 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah enam (6) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Angka jangkitan baharu Negeri Sabah kekal 14 kes sebagaimana catatan semalam.
- b. Kedudukan di semua daerah tidak banyak berubah. Perubahan kepada jumlah jangkitan baharu, samada naik atau turun adalah pada skala yang kecil. Malah, 16 daripada 27 daerah di Sabah kekal dengan angka jangkitan semalam. Sebanyak 18 daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- c. Perayaan berkembar Aidil Fitri dan Kaamatan akan menjadi medan ujian sejauh mana masyarakat bersedia mengamalkan disiplin tinggi dalam pematuhan SOP dan saranan-saranan penjagaan kesihatan yang lain. Sikap masyarakat semasa menyambut kedua perayaan ini akan menentukan samada kita mampu mempertahankan angka jangkitan harian yang rendah sekarang atau membiarkan kes naik semula terbit daripada sikap sambil lewa masyarakat kepada keperluan mematuhi semua SOP.
- d. Seramai 13 orang daripada 14 pesakit hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 dan seorang pesakit dalam Kategori 3. Tidak ada pesakit dalam Kategori 4 dan Kategori 5 dilaporkan.
- e. Selamat menyambut Hari Raya Aidil Fitri kepada semua muslimin dan muslimat.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	2	14.29%
3	Bergejala	6	42.86%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	6	42.85%
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (1 Mei 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 1/05/2022	Catatan Kes 2/05/2022	Perbandingan
1	Kudat	0	1	+1
2	Penampang	0	1	+1
3	Tawau	0	1	+1
4	Tenom	0	1	+1
5	Lahad Datu	0	1	+1
6	Kota Belud	0	1	+1
7	Kalabakan	0	0	Mendatar
8	Pitas	0	0	Mendatar
3	Ranau	0	0	Mendatar
10	Kota Marudu	0	0	Mendatar
11	Beaufort	0	0	Mendatar
12	Tambunan	0	0	Mendatar
13	Telupid	0	0	Mendatar
14	Tongod	0	0	Mendatar
15	Nabawan	0	0	Mendatar
16	Kinabatangan	0	0	Mendatar
17	Putatan	0	0	Mendatar
18	Semporna	0	0	Mendatar
19	Tuaran	0	0	Mendatar
20	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
21	Sipitang	0	0	Mendatar
22	Keningau	0	0	Mendatar
23	Sandakan	4	2	-2
24	Kota Kinabalu	6	5	-1
25	Papar	2	1	-1
26	Kunak	1	0	-1
27	Beluran	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>14</b>	<b>Mendatar</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	1	2	0	2	5	205
Sandakan	0	0	1	0	1	2	68
Papar	0	0	0	0	1	1	46
Penampang	0	0	1	0	0	1	59
Tawau	0	0	1	0	0	1	31
Kota Belud	0	0	0	0	1	1	19
Lahad Datu	0	0	1	0	0	1	58
Tenom	0	1	0	0	0	1	23
Kudat	0	0	0	0	1	1	18
Beluran	0	0	0	0	0	0	10
Kunak	0	0	0	0	0	0	3
Tuaran	0	0	0	0	0	0	52
Keningau	0	0	0	0	0	0	27
Beaufort	0	0	0	0	0	0	20
Putatan	0	0	0	0	0	0	25
Kota Marudu	0	0	0	0	0	0	17
Ranau	0	0	0	0	0	0	12
Pitas	0	0	0	0	0	0	4
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	11
Sipitang	0	0	0	0	0	0	10
Telupid	0	0	0	0	0	0	9
Tongod	0	0	0	0	0	0	3
Nabawan	0	0	0	0	0	0	6
Tambunan	0	0	0	0	0	0	17
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	11
Semporna	0	0	0	0	0	0	15
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>14</b>	<b>782</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,209 unit.

- Hospital 1,181 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 12.32%.

## **B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 2 MEI 2022**

i.Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	13
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

<b>Import A (Jangkitan Luar Malaysia)</b>	
Arab Saudi	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii.Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	14
Bukan Malaysia	0
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	1
Belum Menerima Vaksin (5-11)	0
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	0
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	7
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	6
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

#### Iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	0
1-4	1
5 -11	0
12-17	1
18-29	6
30-39	2
40-49	2
50-59	1
60-69	0
70-79	0
80-89	1
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

#### C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 1 Mei 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 1,314 orang. Daripada jumlah ini, seramai 103 orang adalah penduduk dewasa, 70 orang adalah penduduk remaja dan 1,141 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 1 Mei 2022 adalah seramai 2,587,021 orang. Ini meliputi 2,134,539 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.57% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,463,750 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,885 orang atau 77.00% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,213 orang atau 78.65% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 319,372 atau 74.93% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 117,269 atau 28.50% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 52,493 atau 12.76% orang.
- 5 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.



**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**